

## Jimat Cermat Elakkan Pembaziran

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ  
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا  
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى  
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala perintah serta menjauhi semua larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keampunan dan beroleh kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Maidah ayat 3 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمْ الْإِسْلَامَ دِينًا

Yang bermaksud : *Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, Aku telah cukupkan kepadamu nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah reda Islam itu menjadi agama kamu.*

Oleh itu, nikmat Allah hendaklah digunakan mengikut tahap yang ditentukan oleh Allah supaya kita tergolong dalam kalangan orang yang bersyukur dan terhindar daripada golongan kufur nikmat . Firman Allah Subhanahu wa Taala di dalam surah Ibrahim ayat 7:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ<sup>ط</sup> وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي

لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

Yang bermaksud: *Dan (ingatlah), ketika Tuhan kamu memberitahu, "Sesungguhnya jika kamu bersyukur, nescaya Aku akan menambah nikmat-Ku kepada kamu, dan sesungguhnya jika kamu mengingkarinya (kufur nikmat), maka sesungguhnya azab-Ku amat keras".*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Nikmat adalah ujian dari Allah Subhanahu wa Taala kepada hamba-hamba-Nya untuk mengukur adakah kita dalam kalangan orang yang bersyukur atau orang yang kufur. Islam tidak melarang umatnya berbelanja dengan nikmat yang dikurniakan, namun Islam mendidik dan membimbing

umatnya untuk berbelanja secara berhemah dan berjimat cermat iaitu dengan memberi keutamaan kepada perkara-perkara yang penting terlebih dahulu seperti keperluan pendidikan, makanan, pakaian, kesihatan, tempat tinggal untuk diri sendiri, keluarga dan masyarakat.

Elakkan daripada berbelanja terhadap perkara-perkara yang tidak penting dan mengikut hawa nafsu sehingga menyebabkan berlakunya pemborosan dan pembaziran. Perkara ini menyebabkan ramai dalam kalangan umat Islam yang berbelanja melebihi daripada kemampuan sehingga terbelenggu dengan hutang yang melibatkan riba yang diharamkan oleh Allah Subhanahu wa Taala seperti meminjam dengan Ah Long. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Isra' ayat 27:

إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ط وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا ﴿٢٧﴾

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedangkan syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya”*.

Ibn Mas'ud dan Ibn Abbas radhiallahu anhuma mentafsirkan ayat ini, bahawa pembaziran atau pemborosan itu bermaksud perbelanjaan atau menggunakan harta benda bukan pada tempatnya yang sebenar. Begitu juga dengan pandangan Imam al-Syafie bahawa pembaziran itu ialah membelanjakan harta benda bukan pada jalan yang diizinkan oleh Syarak.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahuwa Taala,

Rasulullah Sallahualaihi wasallam adalah contoh terbaik dalam kehidupan yang sederhana dan berjimat cermat. Baginda Sallahualaihi wasallam sentiasa mensyukuri dan menggunakan nikmat Allah Subhanahu wa Taala dengan sebaik-baiknya. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan Imam Ahmad daripada Aisyah radhiallahu anha yang menceritakan tentang kesederhanaan Baginda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam : *Bahkan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menjahit baju dan memperbaiki sandalnya sendiri.*

Baginda juga menyuruh umatnya supaya sentiasa berjimat cermat dan tidak membazir sekalipun dalam melaksanakan tuntutan ibadah seperti pengambilan wudu'. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis Riwayat Ibnu Majah:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ بِسَعْدٍ وَهُوَ  
يَتَوَضَّأُ فَقَالَ مَا هَذَا السَّرْفُ فَقَالَ أَفِي الْوُضُوءِ إِسْرَافٌ قَالَ نَعَمْ وَإِنْ كُنْتَ  
عَلَى نَهْرٍ جَارٍ

Yang bermaksud: *Daripada Abdullah bin Amru bin Al-'As bahawa Rasulullah Sallahualaihi wasallam lalu berhampiran Saad yang sedang mengambil wudhu'. Sabda Baginda: Pembaziran jenis apakah ini, wahai Saad? Maka Saad berkata: Dalam wuduk pun ada pembaziran? Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab: Ya, walaupun kamu berwuduk dalam sungai yang sedang mengalir . "*

Berjimat cermat juga boleh dimaksudkan sebagai membelanjakan harta atau wang ringgit dengan cara yang berhemah dan tidak melampaui batas tetapi tidaklah sehingga menjadi seorang yang bakhil. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Furqaan ayat 67:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا ﴿٦٧﴾

Yang bermaksud : *Dan juga mereka (yang diredai oleh Allah itu ialah) yang apabila menafkahkan hartanya, dia tidak melampaui batas dan tidak bakhil. (Sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah benar-benar sederhana antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahuwa Taala,

Marilah kita bersama-sama mengamalkan sikap berjimat cermat dalam perbelanjaan harian. Elakkan berbelanja mengikut hawa nafsu. Apabila makan, ambillah sekadar yang perlu sahaja. Berjimatlah apabila menggunakan air dan elektrik. Itulah antara amalan berjimat cermat yang perlu diamalkan oleh kita terutama dalam suasana ekonomi yang tidak menentu dan harga barangan serta keperluan harian yang semakin meningkat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَبْنَیْ ءَادَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿٣١﴾

Yang bermaksud: *Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah pada tiap-tiap kali kamu ke masjid (atau mendirikan solat), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampaui batas; Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang melampaui batas.*

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعِنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ، أَقُولُ  
قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ.